

## Larangan Penyerupaan

Ibn Abbas R.Anhuma berkata:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ وَ الْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ  
النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ.

**Maksudnya:** “Rasulullah SAW melaknat yang menyerupai di kalangan lelaki dengan wanita dan yang menyerupai di kalangan wanita dengan lelaki.”

Hadis *muttafaq alaih*, (1/21) (اللؤلؤ والمرجان). Diriwayatkan oleh al-Bukhari (*al-Salih*) (10/345) no. (5885). Abu Daud (4/354-355)

### Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Penyerupaan dalam hadis ini bolehlah diertikan kepada penyerupaan sepenuhnya (hampir semua aspek atau cara hidup) di mana dia menjadikan haram dan boleh menjadikan kufur (keluar dari Islam – bila disertai dengan kepercayaan: Iktikad). Juga boleh diertikan bahawa orang yang meniru itu tergolong ke dalam kalangan orang yang bukan Islam dalam perkara yang ditirunya sahaja, sama ada pada perkara yang haram, maka haramlah dia, dan demikian jugalah dalam perkara simbol maksiat, maka terlibatlah dia. Walau bagaimanapun keharaman itu berlaku kerana menyerupai (*tasyabbuh*). Pengertian menyerupai itu, antara lain melibatkan perkara lain:
  - i. Meniru sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh sesuatu golongan (kumpulan) manusia, sedang perbuatan itu tidak kerap dilakukan.

- ii. Meniru sesuatu perbuatan mereka kerana mempunyai sesuatu tujuan, di mana di kalangan merekalah yang memulakan perbuatan itu.
3. Dalam menghadapi sesuatu perbuatan yang kebetulan dilakukan oleh dua pihak dan tidak berlaku perbuatan tiru-meniru antara satu sama lain, maka perbuatan demikian hendaklah dikaji terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, perbuatan yang didapati bersamaan itu juga adalah terlarang sebab ia mirip kepada menyerupai orang bukan Islam. Hal ini sebandinglah dalam perkara tidak mencukur janggut dan tidak menggunting misai di kalangan orang Islam.
4. Imam al-San'ani di dalam kitabnya *Subul al-Salam* pernah menulis: Hadis ini memberi pengertian bahawa siapa yang meniru pelaku-pelaku maksiat, dia adalah tergolong dalam kumpulan mereka. Demikian jugalah meniru perlakuan-perlakuan yang khusus pada orang-orang kafir atau pelaku bidaah, sama ada pada bentuk pakaian, kenderaan ataupun gaya (gerak-geri).
5. Menurut penjelasan para ulama, seandainya seseorang Islam itu meniru pakaian orang-orang kafir serta mengiktikadkan dengan peniruan itu maka dia juga seperti mereka, maka kufurlah dia. Akan tetapi jika tidak beriktikadkan demikian, maka ada yang mengatakan dia kufur, berdasarkan pengertian lahir hadis dan ada pula ulama yang mengatakan belum kufur, tetapi dia mestilah diambil tindakan sebagai pengajaran kepadanya.
6. Dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan ini, pelbagai budaya asing mudah menyerap dalam kehidupan sesuatu bangsa. Segala bentuk budaya daripada berbagai bangsa dapat dilihat dan diamalkan serta-merta.
7. Masyarakat yang beriman dan berbudaya tinggi dapat menilai budaya yang harus diikuti dan sesuai dengan syariat. Tetapi bagi masyarakat yang tidak cukup ilmu keagamaannya dan lemah pula keimanannya, budaya songsang terus menjadi pujaan lebih-lebih lagi banyak prasarana yang disediakan.
8. Antara budaya songsang yang menjadi ikutan umat Islam, khususnya remaja ialah budaya perempuan menyerupai lelaki dan sebaliknya. Ini adalah kerana tersebarannya fahaman *uniseks* iaitu satu kefahaman yang tidak disediakan pemisah antara lelaki dan perempuan. Sehubungan itu, sekarang ini wujud pula golongan anak-anak gadis yang membedung payu daranya, memakai pakaian lelaki, malah ada yang sanggup melakukan apa sahaja.

9. Begitu juga bagi golongan lelaki yang sudah mula berpakaian perempuan (lakonan dalam sitkom) dan membentuk buah dada dengan menyuntik silikon, walaupun memerlukan perbelanjaan yang besar. Walaupun kes-kes ini jarang kedengaran, tetapi ianya memberikan impak yang besar kerana ia bukan sekadar sebuah kisah, tetapi sedikit sebanyak telah mendorong pembinaan pemikiran hingga mengharuskannya dan menjadikannya satu hak asasi pula.
10. Abdullah Nasih Ulwan dalam bukunya menyebut, pemuda dan pemudi kita telah dilanda gelombang penyerupaan dan ikutan membabi buta. Justeru, semestinya tanggungjawab terhadap pendidik merawat penyakit ini dengan cara yang baik. Inilah antara dakyah musuh-musuh Islam untuk merosakkan kemuliaan umat Islam itu sendiri.
11. Syeikh Dr. Soleh bin Fauzan bin Abdullah al-Fauzan menyebut dalam kitabnya *تنبيهات على أحكام تختص بالمؤمنات*, bahawa wanita muslimah harus memelihara rambutnya dan membiarkannya panjang dan haram mencukur atau memotongnya kecuali kerana darurat.
12. Syeikh Muhammad Ibrahim Ali al-Syeikh Rahimahullah Mufti Kerajaan Arab Saudi berkata: Rambut wanita tidak boleh dicukur (dipotong) berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh al-Nasaie dalam sunannya daripada Ali RA, al-Bazzar dalam sanadnya daripada Uthman RA dan Ibn Jarir dalam sanadnya daripada Ikrimah RA, mereka berkata:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ تَحْلِقَ الْمَرْأَةُ رَأْسَهَا

**Maksudnya:** "Rasulullah SAW melarang wanita mencukur (memotong) rambutnya. Kaedah: satu larangan, jika datangnya daripada Nabi SAW, maka bentuk larangan itu menetapkan hukum pengharaman, selagi tidak ada dalil lain yang menentanginya."

13. Mullah Ali Qari dalam *al-Mirqat Syarah al-Misykat* berkata: Penulis *al-Misykat* berkata sekiranya wanita memotong rambutnya kerana rambut panjang mengurai kebelakang yang merupakan khas kepada wanita, ditinjau dari bentuk dan keindahannya adalah laksana janggut yang merupakan khas kepada lelaki.

14. Adapun memotong rambut wanita, jika hal itu bukan untuk tujuan mencantikkan diri, seperti tidak mampu untuk membiayai kos rawatan atau kerana rambut itu panjang sekali dan berserabut, maka tidak mengapa memotongnya mengikut keperluan seperti yang pernah dilakukan sebahagian isteri-isteri Nabi SAW selepas kewafatannya. Ini kerana isteri-isteri Nabi tidak perlu lagi untuk mencantikkan diri (untuk Baginda) selepas kewafatannya dan tidak perlu lagi untuk memanjangkan rambut.
15. Namun, jika tujuan memotong rambut tersebut untuk meniru trend wanita kafir atau fasik atau yang menyerupai lelaki, maka tidak diragui, bahawa ianya diharamkan, kerana adanya larangan *tasyabuh* (berlaku penyerupaan) dengan orang-orang kafir secara umum, di samping larangan bagi wanita menyerupai lelaki. Juga, jika tujuannya adalah untuk berhias diri (di mata selain mahramnya), zahirnya dalil bahawa perbuatan itu tidak dibolehkan.
16. Guru kami, Syeikh Muhammad al-Amin al-Syanqiti Rahimahullah dalam kitabnya *Adhwa' al-Bayan* mengatakan kebiasaan yang berlaku di beberapa negara iaitu wanita memotong rambutnya sampai pendek hampir ke pangkal rambut. Kebiasaannya ini adalah budaya dan tradisi Eropah yang menyimpang daripada apa yang dilakukan wanita Islam dan wanita Arab sebelum Islam. Perbuatan tersebut termasuk dalam penyimpangan daripada agama, etika, keperibadian dan lain-lainnya.
17. Seterusnya beliau memberikan jawapan tentang hadis bahawa isteri-isteri Nabi SAW memotong sebahagian rambut mereka hingga tipis seakan tidak melebihi dua cuping telinga, bahawasanya isteri-isteri Nabi SAW memendekkan rambut mereka. Oleh itu, tidak lain adalah kerana dahulunya, semasa bersama Nabi SAW mereka berhias diri untuk baginda. Hiasan terindah mereka pula adalah rambut mereka.
18. Adapun setelah kewafatan Baginda SAW, mereka mempunyai hukum yang khusus yang menyebabkan tidak ada seorang pun daripada wanita di seluruh dunia yang boleh disamakan dengan mereka. Hukum itu ialah mereka sudah tidak ada harapan sedikitpun untuk berkahwin lagi.

### Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Terimalah wajah, bakat, pemasukan dan keluarga dengan kelegaan hati nescaya anda akan mendapat ketenteraman dan kebahagiaan.
- ❖ **Pujangga berkata:** Hindarilah sesama manusia kecuali untuk perbuatan baik. Jadilah orang yang sentiasa berada di dalam rumah, hadapilah hal-hal yang ada kepentingannya dengan diri anda dan kurangilah bergaul dengan orang ramai.

### Kisah Teladan

Menurut al-Nafi', dia mengatakan: Suatu peristiwa, pernah Abdullah bin Umar dan Abdullah bin Amru datang kepada Abdullah bin al-Zubair bin Abdul Mutalib, tiba-tiba mereka terserempak dengan seorang wanita yang sedang menggiring kambing, dan wanita itu berkeadaan menyandang panah dan busurnya, lalu Abdullah bin Amru bertanya kepada wanita itu: *Apakah engkau ini lelaki atau wanita?* Jawabnya: *Tentulah wanita!* Kemudian Abdullah bin Umar memandangi wajah Abdullah bin Amru dan berkata: *Sesungguhnya Allah SWT melalui lisannya Nabi-Nya telah mengutuk wanita-wanita yang menyerupai lelaki!*

Di antara kelakuan yang boleh ditimpa kutukan ke atas wanita iaitu: Menunjukkan perhiasan dengan emas, perak dan intan berlian di seluruh badan, menyalutkan pakaian dengan air wangi, termasuk *misk*, *anbar* dan bermacam-macam wangi-wangian yang lain ketika keluar rumah, memakai pakaian berwarna-warni, memakai kain panjang sutera, pakaian pendek, baju lengan pendek, yang terbuka di sebelah dada, pakaian-pakaian yang menjolok mata dan sebagainya ketika di luar rumah. Semua itu termasuk pakaian menghias diri untuk menarik pandangan orang asing yang memang diharamkan oleh Allah, yang pemakainya akan menerima kutukan daripada Allah dan Rasul-Nya di dunia dan akhirat.